

05/08/2001

Belum masa laksana meritokrasi

MINGGU lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kerajaan akan mengambil tindakan radikal termasuk melaksanakan dasar meritokrasi membabitkan kemasukan pelajar Melayu ke universiti.

Berikutan kenyataan itu, pelbagai pihak memberi pandangan dan ulasan, termasuk ada yang meminta kerajaan mempertahankan sistem kuota seperti diamalkan sekarang. Sejauh mana kesan dasar meritokrasi terhadap peluang pelajar Melayu memperoleh pendidikan tinggi? Benarkah orang Melayu belum bersedia dengan dasar lebih terbuka ini? Wartawan Berita Minggu, Zainudin Isa menemu bual tokoh akademik yang juga bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Tan Sri Wira Abdul Rahman Arshad (gambar), di pejabatnya di Kuala Lumpur, kelmarin bagi mengupas kemelut isu berkenaan.

PADA pandangan Tan Sri mengapa isu meritokrasi ini ditimbulkan?

Sebenarnya, saya tidak begitu pasti apa pengertian meritokrasi kerana dalam banyak negara, apabila digunakan perkataan meritokrasi, ia dimaksudkan dengan kecemerlangan dalam akademik. Tapi, kalau kita lihat kecemerlangan dalam pengajian tinggi, ia bertujuan melahirkan manusia yang harus merangkumi nilai-nilai mulia dan berguna.

Maknanya, bukan sekadar mempunyai kepandaian semata-mata, tetapi juga nilai hidup, akhlak, perilaku dan sifat perjuangannya. Seseorang yang kita hantar ke pusat pengajian tinggi sebagai latihan untuknya menjadi pemimpin masa depan. Kalau untuk melahir atau menjadikannya seorang pemimpin, pertama dia mesti orang pandai, bijak, harus mempunyai perwatakan sesuai dan mempunyai sikap untuk maju. Dia juga mempunyai tekad memperjuangkan nasibnya sendiri, masa depan yang lebih baik dan tahu keutamaan yang harus diberikan dalam hidupnya. Tapi, kalau meritokrasi dalam bidang akademik, saya kurang setuju.